

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**  
**KAWASAN** : **BUKIT GANTANG**  
**TARIKH** : **22 MAC 2018**  
**NO. SOALAN** : **18**

**SOALAN**

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan menyatakan apakah kesan kepada syarikat vendor rakyat Malaysia dan struktur pengurusan dan dasar automatif negara apabila 49.9 % saham PROTON dijual kepada Syarikat Geely China pada tahun 2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 23 Jun 2017, PROTON telah menyempurnakan perjanjian perkongsian strategik dengan Geely dengan penjualan ekuiti sebanyak 49.9%. Perkongsian strategik tersebut dijangka dapat memulihkan perniagaan syarikat PROTON untuk menjadi sebuah syarikat yang menguasai bahagian yang lebih besar dalam pasaran tempatan serta mampu menembusi pasaran eksport luar negara.

Manfaat perkongsian strategik ini tidak akan terhad kepada warga PROTON sahaja malah dijangka akan memberikan manfaat kepada vendor tempatan untuk meningkatkan kemahiran serta hasil

pengeluaran supaya lebih berdaya maju bagi bersaing dalam pasaran tempatan mahupun antarabangsa. Ini termasuk:

- i. Berpeluang untuk membekalkan komponen berkualiti tinggi dengan kos berdaya-saing menerusi Sistem Pembelian Global Geely;
- ii. Meluaskan perniagaan ke pasaran antarabangsa dan dapat bersaing untuk membekalkan komponen untuk operasi Geely di seluruh dunia;
- iii. Mempelajari amalan operasi terbaik untuk peningkatan kualiti bagi memenuhi piawaian global dan Geely; dan
- iv. Meningkatkan keupayaan menerusi kerjasama teknikal dan komersil bersama Geely atau vendor-vendor antarabangsa yang lain.

Untuk mendapatkan manfaat-manfaat ini, vendor tempatan masih perlu memenuhi standard yang ketat dan *cost*, *quality* dan *delivery* bagi memastikan PROTON terus kekal berdaya saing di peringkat domestik dan antarabangsa.

Untuk makluman, pengurusan baharu PROTON telah merangka pelan lima tahun dalam proses pemulihan semula PROTON dengan mensasarkan jualan sebanyak 200,000 buah kenderaan pada tahun 2020. Sasaran ini didapati masih jauh kerana hanya sebanyak 70,991 buah kenderaan dapat dijual pada tahun 2017. Bagi menjayakan pelan ini, proses transformasi PROTON turut memerlukan anjakan radikal ini yang melibatkan keseluruhan ekosistem PROTON termasuk vendor tempatan.

Perkara ini telah menimbulkan beberapa isu terhadap vendor tempatan. Bagi mengatasi isu-isu ini, Kerajaan telah menjalankan langkah bagi memitigasikan impak transformasi PROTON ke atas vendor dan pengedarnya termasuk Menteri MITI bertindak sebagai mediator dalam menyelesaikan segala permasalahan melibatkan antara PROTON dan vendornya.

Kerajaan akan terus memberikan sokongan kepada PROTON sebagai projek nasional bagi memastikan kepentingan industri automotif tempatan terpelihara termasuk kepentingan para pekerja.

Sekian, terima kasih.